

# Sekretariat Anak Pahang tangkis maklumat tidak benar

Berperanan salur informasi tepat agar rakyat tidak terkeliru dengan fitnah

Oleh IZWAN ROZLIN  
KUALA LUMPUR

**P**enubuhan Sekretariat Anak Pahang berperanan menjadi platform kerajaan negeri menangkis fitnah dan persepsi tidak benar yang dimainkan pihak tertentu bertujuan untuk mengelirukan rakyat yang tinggal di luar negeri itu.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, sekretariat yang ditubuhkan bulan lalu itu juga berperanan untuk menyalurkan maklumat tepat mengenai kerajaan negeri di bawah pentadbirannya.

"Kira-kira 92,000 anak Pahang di Lembah Klang kini



Wan Rosdy (tiga dari kanan) siap sedia melepaskan peserta Larian Tok Gajah Kuala Lumpur di Dataran DBKL pada Ahad.

mempunyai tempat untuk mereka berurusan iaitu di pejabat sekretariat di Tingkat Enam Pusat Dagangan Kuala Lumpur (WTCKL).

"Kita dapat salurkan maklumat yang tepat sebagai contoh anak-anak Pahang yang pergi haji, kita bagi RM750 sebelum

itu kita bagi RM500.

"Untuk mahasiswa dan mahasiswi tahun lepas kita bagi bantuan RM300, tahun ini kita tambah kepada RM400 jadi maklumat itu tepat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Larian Tok Gajah Kuala Lumpur di sini pada Ahad.

Tegas Wan Rosdy, pelbagai lagi sentimen direka termasuklah mengenai penafian berhubung kejayaan kerajaan negeri berjaya mengurangkan hutang daripada RM3.3 bilion kepada RM952 juta.

"Pihak di sebelah sana (pembangkang) seolah-olah menafi-

kan, kata MB (menteri besar) tipulah, mana boleh (selesai hutang) dalam masa yang singkat, tapi itulah hakikatnya angka tidak boleh berbohong.

"Jadi bila sekretariat ini diwujudkan, anak-anak Pahang tidak lagi terkeliru dengan mainan persepsi dan fitnah," ujar beliau.

Mengulas lanjut mengenai Larian Tok Gajah Kuala Lumpur yang diadakan di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang disertai lebih 2,000 anak perantauan Pahang, Wan Rosdy berkata ia adalah satu permulaan yang baik.

"Program sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturahim anak-anak Pahang yang berada di luar negeri itu.

"Saya percaya ini bukan yang pertama dan juga bukan yang terakhir. Kita akan buat dari semasa ke semasa," katanya.

Acara larian yang mendapat kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan serta *Kuala Lumpur Car Free Morning* itu bermula kira-kira jam 7 pagi melibatkan jarak antara lima dan tujuh kilometer mengelilingi ibu kota.